

11,000 guni pasir sebagai benteng

Persediaan penduduk di kawasan berhampiran pantai hadapi fenomena air pasang besar



Kawasan ban di Kampung Sungai Kajang diberi perhatian.

KUALA SELANGOR - Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah Kuala Selangor bersiap siaga berdepan sebarang kemungkinan banjir menjelang fenomena air pasang di beberapa kawasan penempatan berhampiran pantai di daerah ini.

Pengerusinya, Shamsul Shahril Badliza Mohd Noor berkata, sebanyak 11,000 guni pasir digunakan sebagai benteng sementara untuk diletakkan di kawasan berisiko ban pecah.

Menurutnya, guni pasir digunakan sebagai langkah pencegahan untuk membantu mengelakkan kawasan ban yang berisiko pecah dan dinaiki air selain kerja membina benteng ini dibuat secara ber-

peringkat sehingga selesai.

“Fenomena air pasang besar ini cukup berbeza berbanding banjir biasa kerana air laut akan masuk ke dalam kawasan saluran dan mungkin akan melimpah ke kawasan penempatan.

“Jadi apa yang penting, kita perlu bersedia sebarang kemungkinan yang akan berlaku dan pada masa sama, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sedang baiki kerosakan di kawasan benteng terjejas.

“Walaupun kerja dilaksanakan mungkin tak menepati masa diperuntukkan, namun pemantauan akan dibuat berterusan,” katanya selepas meninjau beberapa lokasi ban yang berisiko di daerah ini.